

MAKLUMAN UNTUK DIHEBAHKAN DALAM LAMAN WEB JPK

PEMAKLUMAN BERKENAAN MASALAH GANGGUAN CAPAIAN SISTEM eSKM

Ruj : JPK/700/Jld.43 / 1 (36)

Tarikh : 28 Ogos 2017

Salam Kemahiran,

Adalah dimaklumkan bahawa Sistem eSKM sedang mengalami gangguan capaian disebabkan oleh peningkatan penggunaan sistem tersebut bagi tujuan pendaftaran pelatih yang akan tamat 31 Ogos 2017 ini.

Sehubungan itu, Jabatan memutuskan bahawa tarikh pendaftaran pelatih Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi sesi pengambilan ketiga yang akan berakhir pada 31 Ogos 2017 dilanjutkan kepada 15 September 2017 kerana kesukaran Pusat Bertaualiah untuk mendaftarkan pelatih.

Pelanjutan ini adalah bagi tujuan proses pembayaran pendaftaran pelatih kepada JPK. Walaubagaimanapun, tarikh mula latihan mestilah dalam tempoh 1 Julai 2017 hingga 31 Ogos 2017.

Segala kesulitan yang dihadapi oleh tuan/puan amatlah dikesali.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi”

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Pembangunan Kemahiran,
Kementerian Sumber Manusia